

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA INDUK 'LOCAL AGENDA 21' DAN PEMBANGUNAN MAMPAN,**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
**BIL.1/2016**

---

Tarikh : **15 Mac 2016 (Selasa)**

Masa : **11.30 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak,  
Majlis Perbandaran Sepang,  
Cyberjaya**

**KEHADIRAN**

1. Dato' Puasa bin Md. Taib - Pengerusi  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Sepang
2. Encik Azmi bin Saonan  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Pinggiran Putra
3. Encik Gun Chee Hui  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Kota Warisan
4. Puan Suziana binti Musa  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Putra
5. Encik Mohd. Jamalulail bin Hamzah  
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /  
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Labu
6. Encik Saiful Naim bin Kamsah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang
7. Encik Mohamed Azrin bin Mohamed Ali  
Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia
8. Puan Rozeta binti Md. Yusuf  
Jabatan Perancangan Bandar,  
Majlis Perbandaran Sepang

9. Encik Noor Halif bin Noorzan  
Jabatan Perlesenan & Pengurusan Penjaja,  
Majlis Perbandaran Sepang
10. Encik Mohd Hairil Ridza bin Hashim,  
Jabatan Kejuruteraan,  
Majlis Perbandaran Sepang
11. Encik Sulaiman bin Abi Hashim  
Jabatan Bangunan,  
Majlis Perbandaran Sepang
12. Encik Kuzaini bin Hamidon,  
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,  
Majlis Perbandaran Sepang
13. Encik Mohamad Firdaus bin Mohamad Marji  
Jabatan Pembangunan Masyarakat,  
Majlis Perbandaran Sepang
14. Puan Ruhaila binti Abdul Rahman  
Jabatan Landskap,  
Majlis Perbandaran Sepang
15. Haji Ahmad Tarmizi bin Ahmad  
Unit Pusat Setempat,  
Majlis Perbandaran Sepang
16. Encik Abu Zah bin Kamal  
Jabatan Perbendaharaan,  
Majlis Perbandaran Sepang

#### **URUSETIA**

17. Encik Mohd. Adham bin Hj Mahmood  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,  
Majlis Perbandaran Sepang
18. Cik Nur Farhana binti Mohd. Noor  
Penolong Pegawai Perancang Bandar,  
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang
19. Puan Nurulhuda binti Zainal Abidin - Pencatit Minit  
Penolong Pegawai Perancang Bandar,  
Jabatan Perancangan Bandar, Majlis Perbandaran Sepang

## 1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

YBhg Dato' pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Susulan penstrukturan keanggotaan Jawatankuasa Kecil diperingkat MPSepang bagi sesi 2016/2017, Dato' Pengerusi mengalu-alukan kehadiran dan penyertaan Ahli Majlis yang baru dalam Jawatankuasa Local Agenda 21, MPSepang. Ahli Majlis yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- i) Encik Mohamad Jamalulaili bin Hamzah ;
- ii) Encik Norazmi bin Saonan ;
- iii) Encik Gun Chee Hui ; dan
- iv) Puan Suziana Musa.

YBhg Dato' menerangkan secara ringkas mengenai Jawatankuasa Local Agenda 21 yang merupakan satu Jawatankuasa yang dibentuk bagi mempromosikan pembangunan mampan. Pembangunan mampan yang dimaksudkan ialah pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan keperluan generasi masa hadapan seperti keperluan terhadap udara, air dan sumber-sumber asas yang lain.

Local Agenda 21 (LA21) ialah satu program untuk membentuk perkongsian antara Pihak Berkuasa Tempatan, masyarakat dan sektor swasta, seterusnya membentuk pelan tindakan dan pelaksanaannya berasaskan 'bottom up planning' yang mana penduduk tempatan akan menentukan pelan tindakan masing-masing bagi kawasan mereka.

Y.Bhg. Dato' memaklumkan bahawa Local Agenda 21 (LA21) dicetuskan semasa persidangan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Alam Sekitar dan pembangunan (UNICED) yang lebih dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi (Earth Summit) yang diadakan di Rio De Janerio pada bulan Jun 1992. 178 buah negara termasuk Malaysia telah menghadiri persidangan ini dan mengguna pakai 27 prinsip yang telah digariskan di dalam LA21 tersebut.

Local Agenda 21 di peringkat KPKT juga telah dijadikan salah satu indikator dalam penarafan atau 'Star Rating' Pihak Berkuasa Tempatan. Justeru itu, struktur / jawatankuasa di peringkat PBT perlu diwujudkan dan dilaksanakan program-program dengan komuniti, sektor swasta dan agensi berkepentingan. Oleh itu, MPSepang telah menjadikan Local Agenda 21 ini salah satu Jawatankuasa Kecil di bawah Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan).

Susulan lawatan YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor ke Daerah Sepang semasa Mesyuarat Retreat EXCO dan program 'River Cruise' di Sungai Sepang, YBhg Dato' melihat bahawa lawatan tersebut sebagai satu signifikan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan mampan.

## 2.0 **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK LOCAL AGENDA 21 DAN PEMBANGUNAN MAMPAN, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BIL.3/2015**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang Bil.3/2015 disahkan tanpa pindaan.

## 3.0 **PERKARA BERBANGKIT**

### 3.1 **Cadangan Pembinaan Kawasan Berbasikal Di Kota Warisan Oleh Kelab Basikal Lasak, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan**

- a) Pihak syarikat diminta untuk mengemukakan cadangan terperinci kepada pihak Majlis khususnya dari aspek mekanisme pelaksanaan dan bentuk kerjasama dengan pihak Majlis. Selain daripada itu, mengemukakan ROI (Return of Investment) dan CBA (Cost Benefit Analysis) ;
- b) Pihak syarikat telah dihubungi dan masih memerlukan masa untuk menyediakan kertas cadangan terperinci beserta dengan kos. Pihak syarikat juga perlu mengadakan sesi perbincangan dengan penduduk bersebelahan tapak cadangan tersebut bersama Ahli Majlis, JPP Zon Kota Warisan.

#### **Tindakan :**

Kelab Basikal Lasak &  
JPP Zon Kota Warisan

### 3.2 **Program Secara CSR (Corporate Social Responsibility) Di Pantai Bagan Lalang, Daerah Sepang**

Antara program yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat di Pantai Bagan Lalang khususnya Sepang Gold Coast adalah seperti seperti berikut:-

- i. Program Smart Partnership Pengendalian dan Penyelenggaraan Tandas Awam di Pantai Bagan Lalang sejak tahun 2005 sehingga kini ;
- ii. Program Pembersihan Pantai bersama Institusi Pengajian Awam dan Swasta serta penduduk tempatan yang dilakukan secara berkala ;

- iii. Program Voluntourism anjuran bersama Tourism Malaysia dan Selangor secara tahunan sejak tahun 2014 yang diadakan secara berkala sepanjang tahun yang turut melibatkan penduduk setempat dan pihak pengurusan Avani Sepang Goldcoast Resort ;
- iv. Program Penanaman Semula Pokok Bakau bersama Malaysia Nature Society (MNS) yang diadakan secara berkala dan dijadikan salah satu aktiviti untuk Avani Sepang Goldcoast Resort. Ia bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan bakau dan juga sebagai salah satu usaha menjaga alam sekitar.
- v. Program Penanaman Semula Pokok Bakau bersama Pejabat Tanah Daerah Sepang dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).
- vi. Program Rainforest Discovery Centre (RDC) Fasa 1 yang dikendalikan oleh MNS dan dibiayai sepenuhnya oleh SGC. Program RDC ini adalah sebagai memenuhi KPI Kementerian Sumber Asli sebagai salah satu pemangkin dalam mendidik, memelihara dan memulihara alam sekitar. Program ini telah dimulakan pada tahun 2015 ; dan
- vii. Mewujudkan Environmental Interpretive Centre (EIC) di Pekan Sepang (Bangunan Balai Polis Lama) yang dikendalikan oleh MNS bagi menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran mengenai alam sekitar dan dibiayai sepenuhnya oleh SGC sejak tahun 2008.

**Tindakan :**  
Makluman

#### 4.0 PERKARA YANG DIBINCANGKAN

##### 4.1 **Kertas Makluman 1 : Permohonan Mendapatkan Sokongan Bagi Penganjuran ‘International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia Dan Kebenaran Penggunaan Logo Majlis Perbandaran Sepang Oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA).**

Kertas makluman ini dibentangkan oleh Puan Rozeta binti Md Yusuf, Jabatan Perancangan Bandar, MP-Sepang. Asas pertimbangan kepada permohonan ini adalah seperti berikut :

- i. Program International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) merupakan acara flagship tahunan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang telah diadakan sejak 2010.

- ii. IGEM 2015 telah mencatatkan kejayaan memberansangkan melalui penyertaan sejumlah 350 syarikat / organisasi (219 syarikat/organisasi tempatan dan 131 syarikat/organisasi asing) yang melibatkan 450 gerai pameran dari 25 buah negara.
- iii. Pameran IGEM 2015 turut menampilkan Pavilion negeri-negeri Malaysia yang disertai oleh 11 buah negeri. Disamping itu, IGEM 2015 juga turut merekodkan transaksi dan menjana potensi perniagaan berjumlah RM1.98 bilion serta 7 perjanjian persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang teknologi hijau. Dari segi bilangan pengunjung, IGEM 2015 telah berjaya menarik kunjungan seramai 23,932 orang dari 50 buah negara yang terdiri daripada 17,893 orang pengunjung perniagaan (trade visitor) dan 6,039 orang awam.
- iv. Pihak KeTTHA akan menganjurkan IGEM 2016 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) bermula dari 5 hingga 8 Oktober 2016. Edisi ketujuh IGEM ini bertemakan 'Green Business for Sustainability' dan dijangkakan akan menarik lebih banyak penyertaan daripada pemain industri berasaskan teknologi hijau.

### **Keputusan Mesyuarat**

- a) Mesyuarat bersetuju untuk mempertimbangkan permohonan pihak KeTTHA untuk memberikan sokongan bagi penganjuran IGEM 2016 serta membenarkan penggunaan logo Majlis Perbandaran Sepang dalam semua brosur dan aktiviti promosi berkaitan IGEM 2016 ;
- b) Msyuarat bersetuju supaya pihak Majlis memperhalusi segala bentuk projek-projek pembangunan teknologi hijau bersama-sama stakeholder di Cyberjaya seperti Cyberview Sdn Bhd, Setia Haruman Sdn Bhd dan juga Multimedia Development Corporation (MdeC) ; dan
- c) Mesyuarat bersetuju mempertingkatkan lagi program/projek 'showcase' seperti pembangunan 'Green Nomad Stall' dan pelaksanaan Skim Rebat Cukai Bagi Penarafan Bangunan Berteknologi Hijau di Daerah Sepang dengan promosi dan sokongan daripada pihak KeTTHA atau secara program 'smart partnership' dengan pemaju atau sektor swasta.

**Tindakan :**

KeTTHA

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang

Jabatan Penguatkuasaan, MPSepang

4.2 **Kertas Makluman 2 : Cadangan Pemasangan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (Greentech Malaysia).**

Kertas makluman ini dibentangkan oleh Encik Mohamed Azrin bin Mohamed Ali, (Vice President, Green Catalyst), Greentech Malaysia. Ringkasan cadangan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor melalui UPEN Selangor dan Greentech Malaysia telah bersetuju untuk mengadakan mesyuarat dan audit lokasi tapak pemasangan pengecas kenderaan elektrik di semua kawasan PBT di Negeri Selangor bermula pada 1 Februari 2016 hingga 23 Februari 2016.
- ii. Segala kos pemasangan dan penyelenggaraan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Greentech Malaysia.
- iii. Berdasarkan kepada audit tapak yang telah diadakan pada 11 Februari 2016, sebanyak 13 Unit Pengecas akan dipasang tertakluk kepada persetujuan premis bangunan di 11 lokasi bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang. Lokasi tersebut adalah seperti berikut :
  1. Pejabat Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya
  2. Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyberjaya
  3. Cyberview Lodge Resort & Spa, Cyberjaya
  4. Bangunan Komersil Shaftbury, Cyberjaya
  5. Mitsui Outlet Park KLIA Sepang
  6. KLIA (Podium 1)
  7. KLIA (Podium 2)
  8. KLIA 2
  9. Bangunan Komersil IOI Mall, IOI Resort City
  10. Sama-sama Hotel, KLIA
  11. Marriot Hotel, Sepang Utara

**Keputusan Mesyuarat**

Mesyuarat secara dasar tiada halangan dan bersetuju terhadap lokasi tapak yang di audit dan dipilih selaras dengan syarat-syarat, justifikasi dan spesifikasi pemasangan yang ditetapkan oleh pihak Greentech dan juga tertakluk kepada persetujuan oleh pemilik bangunan berkenaan.

**Tindakan :**  
Greentech Malaysia  
UPEN Selangor

4.3 **Kertas Makluman 3 : Permohonan Tempat Letak Kereta Sebagai Stesen Perkongsian Kenderaan Elektrik Oleh CMS Consortium Ecotour Sdn. Bhd.**

Kertas makluman ini dibentangkan oleh Puan Rozeta binti Md Yusuf, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang. Cadangan permohonan ini adalah seperti berikut :

- i. Pihak COMOS yang merupakan salah satu syarikat pembekal kenderaan elektrik di Malaysia melalui konsep 'sharing' perkongsian EV telah mengemukakan permohonan kepada pihak Majlis bagi menggunakan tempat letak kereta sediaada khususnya di Cyberjaya sebagai stesen perkongsian kenderaan elektrik. Antara tapak yang dimaksudkan adalah seperti berikut :
  1. Jalan Teknokrat 5 (Prima Avenue, berhadapan CIMB Bank) : 2 Petak (No.38 & 39)
  2. Off Jalan Teknokrat 3 (Glomac, berhadapan Pelita Nasi Kandar) : 2 Petak (No.222 & 223)
  3. Jalan Teknokrat 1/1 (Berhadapan Universiti Limkokwing) : 2 Petak (No.27 dan 28)
  4. Off Persiaran Apec (Cottage Walk, bersebelahan KFC) : 2 Petak (No.18 & 19)
- ii. Susulan mesyuarat bersama pihak syarikat pada 23hb Februari 2016, Pihak syarikat telah mengemukakan permohonan untuk mengecualikan sewaan bagi tempoh dua atau satu tahun yang pertama sebagai percubaan. Justifikasi pengecualian tersebut adalah kerana program perkongsian kereta elektrik ini adalah suatu konsep yang baru dan masih belum diterima secara meluas oleh orang awam. Tambahan syarikat CMS ini masih baru bertapak dan belum mempunyai kapasiti kewangan yang kukuh di mana pada peringkat permulaan, hasil daripada sewaan kenderaan elektrik masih belum dapat menampung kos operasi sekiranya kos sewaan dikenakan ke atas syarikat mereka.
- iii. Tambahan syarikat lagi, pelaksanaan perkongsian kenderaan elektrik ini juga akan memberikan imej yang positif kepada pihak Majlis di mana inisiatif ini bukan sahaja mesra alam tetapi juga mampu menyediakan satu kemudahan pengangkutan alternatif kepada penduduk-penduduk di Cyberjaya. Di samping itu, perlaksanaan program perkongsian kereta elektrik ini juga akan memberikan peluang kepada dan orang ramai untuk mendapatkan pendedahan lanjut mengenai teknologi hijau.



- iv. Petak bagi tempat letak kenderaan yang dipohon telah diteliti dan mendapati tapak-tapak tersebut telah diswastakan kepada pihak syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd.

### **Keputusan Mesyuarat**

Mesyuarat memutuskan untuk mempertimbangkan pengecualian sewaan kepada syarikat CMS Ecotour Sdn Bhd (COMOS) ini untuk tempoh enam (6) bulan sahaja. Pengecualian ini adalah sokongan daripada pihak Majlis bagi galakan terhadap penggunaan kenderaan elektik dibawah program teknologi hijau. Disamping itu juga, pihak Majlis juga terikat dengan perjanjian atau kontrak dengan pihak syarikat Suasa Efektif Sdn Bhd.

#### **Tindakan :**

CMS Ecotour Sdn Bhd  
Suasa Efektif Sdn Bhd  
Jabatan Perbendaharaan, MPSepang

#### **4.4 Makluman 4 : Perancangan Dan Aktiviti Pemeliharaan Sungai Sepang Kecil Dan Sungai Sepang Besar serta Sungai Labu Di Daerah Sepang Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Sepang**

Pembentangan disampaikan oleh Encik Saiful Naim bin Kamsah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang. Perincian makluman bagi projek ini adalah seperti berikut :

- i. Pihak JPS Daerah Sepang memaklumkan di Bahagian Selatan Daerah Sepang mempunyai dua (2) lembangan sungai utama iaitu Sungai Sepang Besar dan Sungai Sepang Kecil.
- ii. Mesyuarat dimaklumkan panjang Sungai Sepang Besar adalah 18.6km, panjang benteng dan 'borrowpit' adalah 15km. Pintu kawalan air pasang surut adalah 6 nos. Manakala, panjang Sungai Sepang Besar adalah 18.6km, panjang benteng dan 'borrowpit' adalah 30km. Manakala pintu kawalan air pasang surut adalah 7 nos.
- iii. Mesyuarat dimaklumkan bahawa bagi mengelakkan berlakunya hakisan tebing yang kritikal, Pihak JPS Daerah Sepang telah menjalankan kerja-kerja perlindungan tebing dengan meletakkan struktur Enviro bag di tebing muka sauk khususnya di Batu 2 Tg Mas. Selain itu, kerja-kerja menaiktaraf Ban, 'Borrowpit' dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Sungai Sepang Besar bermula sejak 23 Julai 2014 dan siap sepenuhnya pada 20 Januari 2016.

- iv. Manakala di Sungai Sepang Kecil, pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja menaiktaraf muara bermula pada 20 November 2014 dan tarikh tamat projek adalah pada 19 Mei 2016. Di antara skop kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut :
  - a. Membina ban dengan menggunakan Armour Rock di bahagian laut serta memasang Enviro Bag di bahagian darat sepanjang 200 meter.
  - b. Pemasangan Geotube berserta Armour Rock dibahagian tebing kiri & kanan muara sungai sepanjang 1,650 meter .
  - c. Mendalamkan muara sungai sepanjang 200 meter.
  - d. Membina dan menyiapkan sebuah Bangunan Information Centre.

### **Keputusan Mesyuarat**

- a. Mesyuarat mengambil maklum perancangan dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang khususnya dalam memelihara dan memulihara Sungai Sepang Besar dan Sungai Sepang Kecil.
- b. Pihak Majlis juga sedia untuk bekerjasama dengan JPS Sepang bersama-sama dengan LUAS, Jabatan Perhutanan, NGO dan syarikat swasta khususnya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan Sungai Sepang Besar dan Sungai Sepang Kecil. Di samping itu, bekerjasama dengan LKIM untuk menambah nilai lagi Jeti-jeti sedia ada seperti Jeti Penambang dan lain-lain.

#### **Tindakan :**

Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang  
Majlis Perbandaran Sepang  
LKIM, LUAS, Jabatan Perhutanan, Sepang Gold Coast dan NGO.

## **5.0 PEMBENTANGAN OLEH JAWATANKUASA KERJA LOCAL AGENDA 21, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**

- 5.1 **Jawatankuasa Kerja LA21 : Alam Sekitar Mampan**  
Oleh : Encik Kuzaini bin Hamidon  
Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Persekitaran, MPSepang

Mesyuarat dimaklumkan mengenai program-program sediada yang dipantau secara terus oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran seperti berikut:

- a) BESMAS
- b) KISMAT
- c) TABAS
- d) Pengasingan Sampah Daripada Rumah (Kitar Semula)

Tindakan:  
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,  
Majlis Perbandaran Sepang

## 5.2 **Jawatankuasa Kerja LA21 : Sosial Mampan**

Oleh : Encik Mohamad Firdaus bin Mohamad Marji  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

Mesyuarat dimaklumkan sebanyak 34 program telah dilaksanakan bermula pada 1 Januari 2016 sehingga 29 Februari 2016 bagi setiap Zon Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP).

Tindakan:  
Jabatan Pembangunan Masyarakat,  
Majlis Perbandaran Sepang

## 6.0 **HAL-HAL LAIN**

### 6.1 **Memperkasakan Program / Aktiviti Local Agenda 21 Dengan Merujuk Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berjaya Sebagai 'Benchmarking'**

Dato' Pengerusi mencadangkan supaya pihak Urusetia supaya dapat mengenalpasti PBT yang telah Berjaya dalam melaksanakan LA21 untuk dijadikan sebagai 'benchmarking' / rujukan bagi pelaksanaan LA21 di Daerah Sepang.

**Tindakan :**  
Jabatan Perancangan Bandar  
Majlis Perbandaran Sepang

## 7.0 **PENANGGUHAN MESYUARAT**

Mesyuarat ditangguh pada jam 1.00 petang.